

# PM kembalikan RM50 elaun nelayan

UM - 18/9/2020 ml: 3

**BEAUFORT:** Tan Sri Muhyiddin Yassin mengembalikan semula RM50 elaun sara hidup nelayan yang dipotong ketika era pentadbiran kerajaan Pakatan Harapan (PH).

Ini bermakna, elaun berkenaan kembali kepada jumlah asal sebelum Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) iaitu RM300 berbanding hanya RM250 sebelum ini.

Perdana Menteri berkata, ketika potongan elaun itu dilakukan, Parti Warisan Sabah (Warisan) merupakan sebahagian

daripada PH.

“Saya ingin ingatkan, sewaktu PH mentadbir negara, Warisan adalah sebahagian daripada PH. Di waktu itu, elaun sara hidup nelayan dipotong dari RM300 kepada (tinggal) RM250.

“Hari ini saya ingin umumkan, kita kembalikannya semula,” katanya ketika berucap melancarkan Skim Subsidi Baja dan Racun Padi Bukit/Huma di hadirinya peladang, penternak dan nelayan di sini semalam.

Turut hadir Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Da-

tuk Seri Dr. Ronald Kiandee dan bekas Ketua Menteri Sabah, Tan Sri Musa Aman.

Antara perkara lain yang diumumkan Perdana Menteri adalah bantuan berupa geran, elaun, skim ternakan serta zakat kepada golongan peladang, penternak dan nelayan yang layak dalam usaha membantu meningkatkan taraf hidup mereka.

Muhyiddin menambah, dengan keupayaan kerajaan Perikatan Nasional (PN), Malaysia berupaya menangani Covid-19

sehingga diangkat menjadi antara negara terbaik dalam aspek pengurusan pandemik itu.

“Ini perkara yang tidak pernah berlaku dalam sejarah Malaysia, tidak pernah berlaku di mana-mana di seluruh dunia, di negara lain masalah Covid-19 masih terus berlaku, sebagaimana juga Malaysia.

“Sekurang-kurangnya, dengan keupayaan kita, maka Malaysia sudah sampai tahap nombor satu dalam usaha mengatasi dan menghadapi masalah Covid-19,” tegasnya.